

UMS johan, naib johan Konvensyen KIK MPC

UB 13.4.2013 A5
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) raih johan dan naib johan Konvensyen Mini Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Malaysia Productivity Corporation (MPC) Ke-3 yang diadakan di sini baru-baru ini.

UMS telah menghantar empat kumpulan ke pertandingan itu. Mereka ialah kumpulan DEBUG dari Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Jabatan Pendaftar; kumpulan M'TECHS, kumpulan Dinamik dari Sekolah Perubatan (SPU); dan RMEC Team dari SPU Cawangan Sikuati, Kudat.

Penyertaan keempat-empat kumpulan dalam pertandingan itu yang kini dikenali sebagai "Mini Convention on Team Excellence Wilayah Sabah 2013" nyata membanggakan apabila kesemuanya berjaya meraih Anugerah Emas.

Turut menerima Anugerah Emas adalah kumpulan dari Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) iaitu KIK Kreatif, KIK QAUTEAM dan KIK ZERO'N selain kumpulan dari Petronas Chemicals Methanol, Labuan iaitu KIK Rotaline dan KIK Exchanger.

Anugerah sama juga turut dimenangi oleh KIK Poligon dari Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), KIK Avatar dari Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas dan KIK Seni Perbadanan Labuan.

Para penerima Anugerah Emas terbabit akan berentap sekali lagi dalam Convention on Team Excellence Wilayah Sabah dan Sarawak yang akan diadakan pada 3-4 Julai 2013, bertempat di Sutera Harbour Resort, di sini.